



**LKIM**

**GARIS PANDUAN**

**PELAKSANAAN BANTUAN / SUMBANGAN**

**SKIM BANTUAN BENCANA ALAM DAN KEBAJIKAN NELAYAN**

**LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA**

Pindaan Berkuatkuasa January 2019.

**GARIS PANDUAN  
PELAKSANAAN BANTUAN / SUMBANGAN  
SKIM BANTUAN BENCANA ALAM DAN KEBAJIKAN NELAYAN**

**1. TUJUAN GARIS PANDUAN**

Garis Panduan Pelaksanaan Bantuan / Sumbangan Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan bertujuan memberi panduan untuk melaksanakan Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan secara seragam di seluruh negara.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada 10 Mac 2009, YAB Perdana Menteri Malaysia, ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2009 (Mini Bajet) di Dewan Rakyat telah meluluskan peruntukan permulaan sebanyak RM2 juta kepada Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan yang akan diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.
- 2.2 Tabung Bencana Alam & Kebajikan Nelayan adalah untuk melindungi nelayan daripada risiko yang tidak dilindungi di bawah Skim Perlindungan Insurans Nelayan Berkelompok LKIM.
- 2.3 Pada 02 November 2018 Menteri Kewangan Malaysia telah mengumumkan pengurangan peruntukan untuk Skim Bencana Alam Dan Kebajikan Nelayan daripada RM 2.0 juta kepada RM 1.50 juta setahun ketika membentangkan Rang Undang Undang Perbekalan 2019 di Dewan Rakyat.

### **3. OBJEKTIF**

Memberi bantuan segera dalam bentuk ***kewangan*** atau ***barangan*** atau ***sebarang bentuk yang bersesuaian*** kepada nelayan yang terlibat dalam kemalangan atau bencana alam yang melibatkan kemusnahan / kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa bagi meringankan beban mangsa dan juga keluarga.

### **4. TAFSIRAN KEMALANGAN DAN BENCANA ALAM**

4.1 Tafsiran Kemalangan Dan Bencana Alam bagi maksud mendapatkan bantuan kewangan dan sumbangan dari Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan adalah;

- i) Kematian, Kecederaan, kecacatan, rawatan hospital, kemusnahan/kerosakan rumah dan peralatan, vessel dan peralatan menangkap ikan serta lain lain peralatan penangkapan ikan yang disebabkan oleh bencana alam seperti:
  - a) Banjir
  - b) Ribut / Taufan
  - c) Tsunami
  - d) Tanah Runtuh / Hakisan
  - e) Gempa Bumi
  - f) Kebakaran
  - g) Penculikan di laut \*(kemalangan)
- ii) Kematian, Kecederaan, kecacatan, rawatan hospital, kemusnahan/kerosakan rumah dan peralatan, vessel dan peralatan menangkap ikan serta lain lain peralatan penangkapan ikan yang disebabkan kebakaran serta kemalangan didarat dan dilaut.
- iii) Kematian disebabkan penyakit, sakit tua atau kematian biasa.

- 4.2 Mana-mana kemalangan yang disebabkan oleh aktiviti-aktiviti **yang menyalahi peraturan dan undang-undang Negara** adalah **tidak layak** untuk mendapat bantuan dari tabung ini.  
Contohnya:- bunuhdiri, penyalahgunaan dadah dan seumpamanya.
- 4.3 Mana-mana nelayan yang ditimpa **kemalangan atau bencana alam** tetapi tidak tersenarai dalam tafsiran di para 4.1 dan para 5 boleh mendapatkan bantuan setelah mendapat **kelulusan Ketua Pengarah**.

## 5. KELAYAKAN NELAYAN

Nelayan yang layak menerima bantuan dan sumbangan dari Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan ini adalah :

- i) Nelayan yang telah menjadi ahli Persatuan Nelayan Kawasan dalam mana mana kategori 11(1)a, 11(1)b dan 11(1)c, ATAU
- ii) Nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia atau Jabatan Perikanan Sabah dan mempunyai Kad Pendaftaran Nelayan.

## 6. PERANAN PELAKSANAAN

- 6.1 Pelaksanaan Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan dibahagikan kepada tiga peringkat:-
- i. LKIM Ibu Pejabat
  - ii. LKIM Negeri
  - iii. Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)

## 6.2 Tugas Dan Tanggungjawab

- a. Tugas dan tanggungjawab peringkat LKIM Ibu Pejabat.
  - i. Menentukan dasar dan sumber kewangan bagi melaksanakan Program Skim Bantuan Bencana Alam Dan Kebajikan Nelayan.
  - ii. Menentukan pelaksanaan dan prestasi Program Skim Bantuan Bencana Alam Dan Kebajikan Nelayan.
  - iii. Menyalur peruntukan ke LKIM Negeri dan mengesan kemajuan bayaran oleh LKIM Negeri.
  - iv. Melaporkan kemajuan tahunan program ini kepada pihak pengurusan tertinggi LKIM.
  
- b. Tugas dan tanggungjawab peringkat LKIM Negeri.
  - i. Memastikan borang permohonan yang disokong dan dikemukakan oleh Jawatankuasa Penilaian / Penyiasatan Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan memenuhi syarat-syarat serta lengkap dengan salinan dokumen diperlukan.
  - ii. Mengkaji nilai bantuan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Penilaian / Penyiasatan Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan.

- iii. Menentukan dan meluluskan nilai bantuan yang patut diberikan berdasarkan kepada kerosakan, kecederaan yang dialami, laporan polis atau juruteknik serta tidak melebihi kadar yang telah ditetapkan.
  - iv. Membuat bayaran kepada pemohon dalam tempoh 30 hari selepas kelulusan.
  - v. Menyediakan laporan lengkap setiap bulan berkaitan dengan bantuan yang diberikan kepada Jawatankuasa Induk Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan melalui Bahagian PMN Ibu Pejabat LKIM.
  - vi. LKIM Negeri perlu memaklumkan kepada Bahagian PMN Ibu Pejabat LKIM dan NEKMAT sekiranya **Bantuan Operasi Mencari Dan Menyelamat** diberikan kepada nelayan bagi tujuan kerja-kerja mencari dan menyelamatkan serta kerja-kerja yang berkaitan dengan nya.
- c. Tugas dan tanggungjawab peringkat PNK.
- i. Menyemak kelayakan nelayan untuk menerima pampasan insuran. Jika tidak layak maka nelayan perlu mengisi boring permohonan Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan.
  - ii. Memastikan pemohon Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan terdiri daripada nelayan yang layak.

- iii. Memastikan kejadian yang menimpa nelayan adalah disebabkan bencana alam atau kemalangan seperti mana yang ditakrifkan.
- iv. Mengesahkan salinan dokumen yang disertakan bersama borang permohonan dan cop rasmi Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan.
- v. Menyokong permohonan yang dikemukakan oleh pemohon dalam Borang Permohonan dan menilai bantuan yang patut diberikan kepada pemohon berdasarkan kepada :-
  - a. Nilai kerugian berdasarkan kepada laporan polis
  - b. Pemerhatian dan anggaran kerosakan yang dialami
- vi. Mencadangkan nilai bantuan yang patut diberikan kepada Jawatankuasa Penyiasat.
- vii. Mengemukakan borang permohonan yang lengkap kepada LKIM Negeri dengan kadar segera untuk kelulusan.

## **7. JAWATANKUASA INDUK SKIM BENCANA ALAM & KEBAJIKAN NELAYAN**

Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan ini akan dikawalselia oleh Jawatankuasa Induk Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan yang dianggotai oleh :-

### **PENGERUSI**

Ketua Pengarah  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

### **TIMBALAN PENGERUSI**

Timbalan Ketua Pengarah ( Pembangunan )  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

### **AHLI**

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Masyarakat & Pertubuhan Nelayan

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Industri Asas Tani

Pengarah  
Bahagian Kewangan & Akaun

Pengarah  
Bahagian Kejuruteraan

### **URUSETIA**

Seksyen Keselamatan & Kebajikan  
Bahagian Pembangunan Masyarakat & Pertubuhan Nelayan



## **8. JAWATANKUASA NEGERI SKIM BENCANA ALAM DAN KEBAJIKAN NELAYAN**

Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan ini akan dipantau pelaksanaannya oleh Jawatankuasa Negeri Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan yang akan bermesyuarat 4 kali setahun.

Jawatankuasa Negeri Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan akan dianggotai oleh:-

### **PENGERUSI**

Pengarah / Timbalan Pengarah LKIM Negeri

### **AHLI**

Urusetia Kejuruteraan Negeri  
Pengurus PNK Berkenaan  
Urusetia PMN Negeri

## **9. JAWATANKUASA PENYIASATAN SKIM BANTUAN BENCANA ALAM & KEBAJIKAN NELAYAN**

Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan terhadap kemalangan atau kerosakan yang berlaku bagi menentukan kadar bantuan yang perlu diluluskan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh:

### **PENGERUSI**

Timbalan Pengarah LKIM Negeri

### **AHLI**

Urusetia Kejuruteraan Negeri  
Urusetia PMN Negeri  
Pengurus PNK Berkenaan

## 10. KADAR BANTUAN

Bantuan dari Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan dalam bentuk kewangan yang akan diberikan adalah berdasarkan kepada kadar yang ditetapkan seperti mana berikut ;-

### i) **Kemalangan Diri**

<b>Bil</b>	<b>Jenis</b>	<b>Kadar Bantuan Maksimum</b>
1	Kematian	RM 1,500.00
2	Keilangan Kekal	RM 2,000.00
3	Hilang Upaya Kekal	RM 5,000.00 (TETAP)
4	Masuk Wad ( RM 50.00 / hari )	RM 500.00

### ii) **Kerosakan Hartabenda**

<b>Bil</b>	<b>Jenis</b>	<b>Kadar Bantuan Maksimum</b>
1	Vesel Zon A	RM 10,000.00
2	Pukat Dan Lain-Lain Peralatan Menangkap Ikan	RM 3,000.00
3	Rumah	RM 10,000.00
4	Lain-Lain Peralatan Rumah	RM 1,000.00

### iii) **Kematian Biasa**

<b>Bil</b>	<b>Jenis</b>	<b>Kadar Bantuan Maksimum</b>
1	Khairat Kematian	RM 1,500.00

#### **iv) Bantuan Semasa Bencana Alam**

<b>Bil</b>	<b>Jenis</b>	<b>Kadar Bantuan Maksimum</b>
1	Bekalan Makanan ( Ikan Basah / Tin / Kering )	RM 20,000.00
2	Peralatan Pembersihan Dan Keperluan Asas	RM 20,000.00

Nota:  
Kadar bantuan maksima adalah bagi satu negeri setiap tahun.

#### **iv) Bantuan Operasi Mencari Dan Menyelamat ( Jika Perlu )**

<b>Bil</b>	<b>Jenis</b>	<b>Kadar Bantuan Maksimum</b>
1	Bantuan Operasi Mencari Dan Menyelamat.	RM 5,000.00 (bagi setiap kes)

Nota:  
a) NEKMAT akan membuat bayaran semula kos minyak yang digunakan  
b) Minyak subsidi dibenarkan untuk kegunaan bot nelayan yang diberikan subsidi nelayan.

#### **vi) Bantuan Kilat Kepada Keluarga Mangsa**

<b>Bil</b>	<b>Jenis</b>	<b>Kadar Bantuan Maksimum</b>
1	Nelayan Hilang (Dalam masa 7 hari dari tarikh laporan polis dibuat)	RM 1,000.00
2	Nelayan ditimpa musibah (Termasuk penculikan, bantuan persekolahan dan yang berkaitan)	RM 1,000.00

## **11. TATACARA PERMOHONAN**

- a) Permohonan untuk mendapatkan bantuan dan sumbangan dari Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan ini hendaklah menggunakan boring permohonan yang boleh didapati secara percuma di pejabat Persatuan Nelayan Kawasan yang berdekatan dan laman web rasmi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia : <http://www.lkim.gov.my>
- b) Setiap permohonan yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen yang disahkan benar oleh Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan. Salinan dokumen yang perlu disertakan adalah seperti berikut (mengikut kesesuaian kes):
- i) Salinan Laporan Polis
  - ii) Salinan Kad Pengenalan
  - iii) Salinan Kad Pendaftaran Nelayan
  - iv) Salinan Sijil Kematian atau Dokumen/Sijil Pengkebumian (Jika Berkenaan)
  - v) Salinan Lesen Vesel (Jika Berkenaan)
  - vi) Surat Pengesahan masuk hospital
  - vii) Laporan doktor (keilangan atau hilang upaya)
  - viii) Gambar-gambar berkaitan (jika ada)
- c) Borang permohonan yang telah lengkap disokong oleh ADUN / Penghulu / JKKK / JKPP dan Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan serta dikemukakan untuk kelulusan oleh Pengarah atau Timbalan Pengarah LKIM Negeri.

d) Permohonan yang dibuat selepas 60 hari dari tarikh kejadian adalah tidak layak dipertimbangkan untuk mendapatkan bantuan di bawah Skim Bantuan Bencana Alam & Kebajikan Nelayan.

Walaupun bagaimanapun pertimbangan kes demi kes akan diberikan kepada permohonan yang lewat dengan syarat segala dokumen dapat disediakan serta disertakan justifikasi kelewatan yang munasabah.

## **12. TARIKH KUATKUASA**

Tarikh kuatkuasa Skim Bantuan Bencana Alam Dan Kebajikan Nelayan ini adalah pada **January 2019** dan mana-mana Kemalangan / Bencana Alam yang berlaku pada atau selepas tarikh ini serta memenuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan adalah layak untuk dipertimbangkan bantuan dari Skim ini.

## **13. ALAMAT PENTING**

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Masyarakat & Pertubuhan Nelayan  
Aras 2, Wisma LKIM  
Jalan Desaria, Pulau Meranti  
47120 Puchong, Selangor

No. Tel. Pejabat: 03-8064 9000

**CARTA ALIRAN KERJA**

**PERMOHONAN SKIM BANTUAN BENCANA ALAM & KEBAJIKAN NELAYAN**

